

Polis siasat khabar angin melalui SMS

KUALA LUMPUR 13 Jun. — Polis akan menjalankan siasatan rapi berhubung khabar angin melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang menyatakan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain diarahkan meletakkan jawatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, pada masa ini polis sedang menjalankan siasatan terhadap sumber-sumber daripada pihak pembangkang berhubung khabar angin itu.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan siapakah di kalangan parti pembangkang yang sedang disiasat tersebut.

Chee Heung menganggap khabar angin itu mempunyai sangkaan buruk, berniat jahat dan mempunyai motif politik terhadap Menteri Besar berkenaan.

“Sekiranya mana-mana pihak tidak mahu pihak polis mengganggu mereka untuk menyiasat perkara itu mereka hendaklah memberhentikan penyebaran SMS tersebut serta merta,” katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA di Wisma MCA di sini hari ini.